



Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)  
Negeri Perak,  
Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Kepayang 1, Basco Avenue@Kepayang,  
31400 Ipoh, Perak.

Tel: 05-2462100  
Faks: 05-2411343  
Website: [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

Ruj. Kami :ANM.PK.TM 600-1 Jilid 2(101)  
Tarikh :17 Julai 2024

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di bawah seliaan JANM Neg.Perak**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan/Dr,

**PENGUMPULAN MAKLUMAT PEGAWAI PENGESAH BAGI GO-LIVE  
PENGURUSAN CAPAIAN SECARA ATAS TALIAN PORTAL iGFMAS PERINGKAT  
PEJABAT PERAKAUNAN**

Dengan segala hormatnya adalah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah melaksanakan penambahbaikan aplikasi bagi pengurusan permohonan capaian iGFMAS daripada **manual kepada secara atas talian (online) end to end** melalui portal iGFMAS yang melibatkan permohonan, pengesahan dan kelulusan secara atas talian menggunakan *standard workflow*. BPTM telah selesai membuat pengujian dan jangkaan pelaksanaan **go-live** adalah pada **9 September 2024**.
3. Oleh itu, BPTM dalam peringkat fasa pengumpulan maklumat Pegawai Pengesah bagi tujuan persediaan **go-live** Pengurusan Capaian Secara Atas Talian Portal iGFMAS peringkat Pejabat Perakaunan. **Pegawai Pengesah** adalah **Ketua Jabatan / Ketua PTJ** yang bertanggungjawab menyemak dan mengesah permohonan pengurusan capaian berdasarkan peringkat pengguna seperti **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** dan **Pejabat Perakaunan (AO)**. Pengesahan dilaksanakan melalui Portal iGFMAS di Senarai Tugas Harian (STH) dan notifikasi e-mel juga diberikan untuk pemberitahuan nombor dokumen bagi tujuan membuat pengesahan.
4. Dengan ini, Ketua Jabatan/Ketua PTJ adalah bertanggungjawab membuat pengesahan permohonan pengurusan capaian di Portal iGFMAS selaras dengan Arahan Perbendaharaan 11 dan SPANM BIL.6/2018 Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya seperti di **lampiran A**.

5. Sehubungan itu, dimohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan/Dr. dapat mengisi **maklumat Pegawai Pengesah** di link <https://forms.office.com/r/DzPR5fe8XS>. Tempoh pengisian UMT dibuka bermula 17 Julai hingga 2 Ogos 2024. Panduan pengguna dan carta aliran UMT boleh dirujuk pada slaid yang dikepulkan.

6. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan dengan penggumpulan data pegawai pengesah boleh hubungi Unit Teknikal JANM Negeri Perak melalui emel [itperak@anm.gov.my](mailto:itperak@anm.gov.my) atau di talian berikut:

- i. M Faizal Bin Mohamad : 05 - 2462262
- ii. Mohd Faizul Bn Salaiman : 05 - 2462263

7. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan/Dr. dalam menjayakan penggumpulan data pengesah yang tepat dan betul amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”***

Saya yang menjalankan amanah,

**(RUHEILA AFZAN BINTI MUSA PJK. C.A.(M), ACMA, CGMA, CPFA(UK))**

Timbalan Pengarah

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak

☎ : 052462100/104

✉: [ruheila@anm.gov.my](mailto:ruheila@anm.gov.my)

ARAHAN PERBENDAHARAAN 11

11.

- (a) **Kewajipan kewangan dan perakaunan** bagi pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah **dinyatakan dengan jelas** olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi taggungjawabnya hendaklah dinyatakan dengan bertulis
- (b) Sekiranya berlaku sesuatu luar aturan, Pegawai Pengawal sepatutnya **boleh menentukan dengan mudah** pegawai yang bertanggungjawab; jika tidak, Pegawai Pengawal mungkin perlu mengganti apa-apa Kehilangan. Ada kemungkinan dalam sesuatu Kementerian/Jabatan yang besar, Pegawai Pengawal menjalankan sedikit sahaja atau tidak langsung menjalankan kerja-kerja kewangan sehari-hari tetapi arahan-arahan yang tetap bagi Kementerian/Jabatannya atas perkara itu mestilah diluluskan olehnya sendiri dan sama ada arahan-arahan itu memberi kesan atau tidak hendaklah sentiasa menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal.

**SPANM BIL.6/2018 TATACARA PENGURUSAN PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA**

- 2.2 Selaras dengan Seksyen 50 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal boleh **dilaksanakan berdasarkan jawatan** memandangkan Pegawai Pengawal masih boleh mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab sebagaimana yang perlu dipatuhi di bawah AP 11 (b).
- 3.2 Ketua Jabatan/ Pemegang Waran Peruntukan PTJ/ Pemungut hendaklah menyelenggara **Kebenaran Khusus Secara Bertulis** bagi menyokong Jadual Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan dengan menyediakan butir-butir nama, jawatan dan lain-lain yang berkenaan dinyatakan supaya Penetapan Kuasa dan Tugas dalam format AP 11.